

Khairy: Ambiga tidak matang pertikai SPR
Utusan Online
26 April, 2012

PETALING JAYA 25 April - Tindakan Pengerusi Bersih, Datuk S. Ambiga menganjurkan demonstrasi menuntut perubahan dalam sistem Suruhanjaya Pilihan Raya (SPR) disifatkan sebagai tidak matang dan dilihat mendahului usaha penambahbaikan suruhanjaya itu.

Ketua Pemuda UMNO, Khairy Jamaluddin berkata, SPR sedang giat melakukan pelbagai perubahan termasuk dalam memastikan hak rakyat Malaysia di luar negara untuk mengundi dari sana.

"Bagaimanapun, usaha ini bukan mudah kerana isu logistik adalah sangat penting seperti penyediaan pusat mengundi di kedutaan Malaysia di mana-mana negara.

"Daripada lapan tuntutan Bersih, tujuh daripadanya telah dilaksanakan oleh SPR berdasarkan cadangan Jawatankuasa Pilihan Khas Parlimen (PSC) mengenai pilihan raya," katanya semasa berdebat dengan Ambiga dalam program debat anjuran sebuah akhbar berbahasa Inggeris tempatan di sini malam ini.

Dalam debat yang berlangsung lebih sejam itu, Khairy berkata, beliau bersetuju dengan hasrat Bersih untuk menuntut sebuah pilihan raya yang adil sama seperti dimahukan kerajaan.

Tambahnya lagi, Ambiga sepatutnya bekerjasama dengan kerajaan Barisan Nasional (BN) untuk memastikan pilihan raya dijalankan dengan adil, bukannya mengadakan pakatan dengan pembangkang mengenai hal itu.

Menurutnya, pembangkang jelas tidak mahu pilihan raya yang adil dilaksanakan kerana laporan yang disediakan oleh Timbalan Presiden Parti Keadilan Rakyat (PKR), Azmin Ali mengenai kelemahan pilihan raya hanya setebal tiga muka berbanding 33 muka surat yang disediakan oleh Bersih.

Justeru Khairy juga dengan sinis menyindir Ambiga kerana merumuskan SPR tidak berusaha untuk menjayakan penambahbaikan tersebut.

Sementara itu, Ambiga pula berkeras mahu Pilihan Raya Umum (PRU) Ke-13 ditangguh sehingga kesemua tuntutan dilaksanakan.

"Tidak semua pihak mahu pilihan raya diadakan secara adil dan saksama," katanya.

Hakcipta Terpelihara © UTUSAN MELAYU (M) BERHAD

Source:

http://www.utusan.com.my/utusan/info.asp?y=2012&dt=0426&pub=Utusan_Malaysia&sec=Dalam_Negeri&pg=dn_05.htm